



## SIARAN AKHBAR

### SENARAI SKIM YANG TIDAK BERLESEN

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin menasihatkan orang ramai untuk berhati-hati apabila menyertai mana-mana skim yang tidak dilesenkan di bawah undang-undang atau peraturan yang ditadbirkan oleh AMBD.
2. Orang ramai dengan ini dimaklumkan bahawa entiti-entiti berikut adalah tidak dilesenkan di bawah mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan yang ditadbir oleh AMBD: Dinar Dirham; Zenith Gold; Powergold; Rich World Revolution (RWR); PhytoScience; Mon Space dan Mface.
3. AMBD ingin mengingatkan orang ramai untuk berhati-hati apabila ingin menyertai mana-mana skim pelaburan atau transaksi kewangan. Orang ramai juga dinasihatkan untuk terlebih dahulu mengesahkan kesahihan skim-skim pelaburan yang ditawarkan dan meneliti risiko yang berkemungkinan timbul daripada melabur di dalam skim tersebut. Jika syarikat tersebut berada di luar Negara, orang ramai dinasihatkan untuk memastikan dengan pihak berkuasa di luar negara samada ianya dilesenkan.
4. AMBD ingin sekali lagi mengingatkan bahawa pengguna kewangan yang ingin melibatkan diri dalam skim-skim pelaburan yang tidak dilesenkan oleh AMBD, pengguna kewangan tersebut tidak akan dilindungi di bawah rangkakerja penyeliaan yang ditadbir oleh AMBD. Rangkakerja penyeliaan AMBD adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan pelabur-pelabur dengan memastikan hanya institusi/ individu yang berkelayakan boleh memberikan perkhidmatan kewangan kepada orang ramai.
5. Senarai nama individu-individu dan institusi-institusi yang dilesenkan oleh AMBD boleh didapati melalui AMBD App, yang boleh dimuat turun secara percuma melalui 'App Store' bagi pengguna iPhone dan 'Google Playstore' bagi pengguna Android; atau dengan melayari laman sesawang AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 21 Safar 1438/ 21 November 2016

Rujukan: AMBD/COMMS/3